

# Isu sekat pencalonan selesai: Dr M

BH 16 MAR 2000

ALOR STAR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap isu dakwaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai usaha menyekat pencalonannya bagi jawatan naib presiden Umno, sudah selesai.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menerima maklumat mengenai dakwaan berkenaan daripada Muhyiddin hari ini.

“Saya sudah menemuinya. Tidak ada apa yang perlu saya jelaskan. Saya tidak perlu menjelaskannya. Anda boleh bercakap dengannya (Muhyiddin),” katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah meneliti maklumat yang diserahkan oleh Muhyiddin, Presiden Umno berkata: “Tak ada apa...itu saya dah cakap dengan Muhyiddin dan perkara berkenaan dah selesai,” katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita selepas beliau menyerahkan lembu korban Aidiladha untuk Masjid Titi Gajah, di kediamannya berhampiran masjid itu, di sini hari ini.

Semalam Muhyiddin berkata beliau tidak boleh mendedahkan secara terbuka bukti dakwaannya itu kerana bimbang mengenai kedudukan orang yang menyampaikan maklumat berkenaan.

Sebelum ini, beliau men-

dakwa ada pihak tertentu di Johor yang cuba menghalang pencalonannya bagi merebut jawatan naib presiden pada pemilihan Umno Mei ini, supaya tidak melepasi syarat minimum pencalonan 10 peratus atau sokongan 17 daripada 165 bahagian.

Di KUALA LUMPUR, Muhyiddin berkata, Dr Mahathir mahu isu mengenai dakwaannya itu tidak dipanjangkan bagi mengelak berlakunya perbalahan serta menjejaskan perpaduan parti.

Bercakap kepada pemberita petang ini, Muhyiddin berkata beliau sudah menjelaskan mengenai perkara itu dan menyatakan kesediaan membawa pihak yang menyampaikan maklumat rahsia itu menemui Presiden Umno.

“Apa yang dinyatakan kepada saya oleh Perdana Menteri ialah pertama ‘kalau boleh perkara ini kita hendak redakan’. Kedua bila saya sebut adakah perlu saya bawa orang yang menyampaikan maklumat itu, Perdana Menteri berkata: ‘Tak payahlah, tak payahlah’,” katanya.

Muhyiddin yang berpuas hati dengan pertemuan itu berkata, Dr Mahathir turut bersetuju bahawa perkara itu tidak perlu dikemukakan secara rasmi kepada Majlis Tertinggi (MT) atau Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin.

“Saya kata kepada Perdana Menteri, saya hanya laporkan kepada beliau secara lisan bukan secara bertulis dan saya nyatakan saya tidak akan laporkan secara bertulis kepada MT dan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin.

“Dr Mahathir bersetuju dan berkata: ‘Cukuplah apa yang disampaikan kepada saya’” katanya.

Muhyiddin berkata, beliau menyerahkan kepada kepimpinan dan ahli Umno untuk menilai perkara itu dan berharap apa yang dibangkitkan berhubung sistem pemilihan parti, dibincangkan dalam forum sesuai pada masa depan.

Katanya, apa yang penting ialah ahli Umno sedar bahawa proses demokrasi dalam parti perlu ditingkatkan supaya kewibawaan parti tidak

terjejas.

“Dari segi membangkitkan perkara itu saya rasa kita harus selesaikan, tetapi dari segi isu, ia tidak selesai. Kita kena jelas, bukan sebab ini (nasihat presiden) maka isu sudah selesai.

“Saya faham nasihat yang disebut Perdana Menteri supaya tidak membangkitkan isu ini dalam keadaan sekarang yang mungkin menyebabkan perbalahan,” katanya.

Ditanya apakah Perdana Menteri menyatakan akan mengambil tindakan berhubung perkara itu, Muhyiddin berkata Dr Mahathir langsung tidak menyekat mengenai sebarang tindakan.

Beliau berkata, isu yang dibangkitkannya, termasuk ‘sistem barter’ bukan perkara baru dalam parti dan yakin kebanyakan ahli

dan pemimpin menyedarinya.

Katanya, apa yang beliau lakukan supaya kepimpinan dalam parti harus diperbetulkan agar partit tetap utuh dan mendapat sokongan rakyat.

“Apakah kita harus berdiam diri semata-mata memikirkan kepentingan diri. Wajar bagisaya sebagai ahli yang bertanggungjawab, menyatakan perkara ini yang sepatutnya menyedarkan banyak pihak bahawa wujud banyak kelemahan dan permasalahan dalam parti.

“Malangnya dalam pemilihan sekarang, nampaknya kita tak ambil apa-apa iktibar langsung. Kita masih bergelut untuk mendapatkan kedudukan dan jawatan, sebab itu prinsip demokrasi dalam parti kita ketepikan,” katanya.